



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN PERDAGANGAN

PEPERIKSAAN AKHIR

SESI II : 2025/2026

DPB50213: ORGANIZATIONAL MANAGEMENT

TARIKH : 02 MEI 2026

MASA : 11.30 PAGI – 1.30 PETANG (2 JAM)

Kertas soalan ini mengandungi **ENAM (6)** halaman bercetak.

Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

TERBUKA

INSTRUCTION:

This section consists of **FOUR (4)** structure questions. Answer **ALL** questions.

ARAHAN:

*Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan struktur. Jawab **SEMUA** soalan.*

QUESTION 1**SOALAN 1**

- CLO1 (a) Identify **TWO (2)** differences between programmed decision and non-programmed decision in decision making process.

*Kenal pasti **DUA (2)** perbezaan antara keputusan berprogram dan keputusan tidak berprogram dalam proses membuat keputusan.*

[6 marks]

[6 markah]

- CLO1 (b) Discuss **THREE (3)** techniques in group decision making.

*Bincangkan **TIGA (3)** teknik dalam membuat keputusan secara berkumpulan.*

[9 marks]

[9 markah]

- CLO1 (c) Explain **FOUR (4)** benefits of strategic management to an organization.

*Terangkan **EMPAT (4)** faedah pengurusan strategik kepada sesebuah organisasi.*

[10 marks]

[10 markah]

TERBUKA

QUESTION 2**SOALAN 2**

- CLO1 (a) Ariana is a newly appointed manager at Coldplay Express, a company operating in a highly competitive business environment. As a new leader, she plays a vital role in managing and enhancing organizational creativity to ensure continuous improvement, innovation, and employee engagement. In order to foster a creative work culture and motivate employees to contribute new ideas, apply **FIVE (5)** roles of a leader that Ariana should perform to inspire people within the organization.

*Ariana merupakan seorang pengurus baharu di Coldplay Express, sebuah organisasi yang beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang kompetitif. Sebagai seorang ketua yang baharu, Ariana memainkan peranan penting dalam mengurus dan meningkatkan kreativiti organisasi bagi memastikan penambahbaikan berterusan, inovasi serta penglibatan pekerja. Berdasarkan situasi tersebut, aplikasikan **LIMA (5)** peranan seorang pemimpin yang perlu dilaksanakan oleh Ariana untuk memberi inspirasi kepada warga kerja dalam organisasi.*

[15 marks]

[15 markah]

- CLO1 (b) Nurizz Event & Catering experiences frequent accidents on site due to workers' low understanding of Occupational Safety and Health Management. As a Chief Executive Officer (CEO) of the company, provide **FOUR (4)** responsibilities of employer according to Occupational Safety and Health Act 1994 (Act 514, Part IV, Section 15-19).

*Nurizz Event & Catering mengalami kemalangan yang kerap berlaku di tapak kerja disebabkan tahap kefahaman pekerja yang rendah terhadap Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH). Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat tersebut, sediakan **EMPAT (4)** tanggungjawab majikan menurut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514, Bahagian IV, Seksyen 15–19).*

TERBUKA

[10 marks]

[10 markah]

QUESTION 3**SOALAN 3**

SNM Food Industries, a medium-sized Malaysian manufacturing company, has faced frequent minor accidents due to poor workplace safety awareness and practices. The company seeks guidance from National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH). As a NIOSH consultant, you are required to:

SNM Food Industries, sebuah syarikat pembuatan berskala sederhana di Malaysia, sering mengalami kemalangan kecil akibat kurang kesedaran dan pelaksanaan amalan keselamatan. Syarikat ini mendapatkan nasihat daripada Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). Sebagai konsultan NIOSH, anda dikehendaki:

- CLO1 (a) Provide **TWO (2)** main roles of NIOSH in promoting workplace safety and health as an introduction to SNM Food Industries.

*Sediakan **DUA (2)** peranan utama NIOSH dalam mempromosikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja sebagai pengenalan kepada SNM Food Industries.*

[10 marks]

[10 markah]

- CLO1 (b) The Occupational Safety and Health Management System (OSH-MS) is a requirement that must be followed by the company. Write **FIVE (5)** components of a typical OSH-MS 1722 to demonstrate how they can improve workplace safety.

*Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-MS) merupakan satu keperluan yang mesti dipatuhi oleh syarikat. Tuliskan **LIMA (5)** komponen OSH-MS 1722 yang tipikal untuk menunjukkan bagaimana setiap komponen dapat meningkatkan keselamatan di tempat kerja*

TERBUKA

[15 marks]

[15 markah]

QUESTION 4

SOALAN 4

- CLO1 (a) A Micus Car Manufacturing is employing more than 120 workers has reported several safety and health concerns, including frequent minor injuries and improper handling of hazardous cleaning chemicals. To address these issues, the management intends to establish a Safety and Health Committee in accordance with the Occupational Safety and Health Act 1994.

Analyze **FOUR (4)** main functions of the Safety and Health Committee in helping the organization to enhance workplace safety and health. Support your answer with relevant examples.

Kilang Kereta Micus pemprosesan makanan yang menggaji lebih daripada 120 orang pekerja telah melaporkan beberapa isu keselamatan dan kesihatan, termasuk kecederaan ringan yang kerap berlaku serta pengendalian bahan kimia pembersihan yang tidak selamat. Bagi menangani masalah ini, pihak pengurusan bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) selaras dengan peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

*Analisis **EMPAT (4)** fungsi utama Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) dalam membantu organisasi meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dengan menyertakan contoh yang relevan.*

TERBUKA

[10 marks]

[10 markah]

CLO1

- (b) Danial is a young entrepreneur who runs a sustainability-oriented business producing eco-friendly household cleaning products. The business aims to reduce environmental impact and provide employment to the local community. After two years of operation, he faces challenges such as high production costs, intense competition, low consumer awareness, and unstable cash flow, which affect employee motivation, organizational commitment, and long-term performance.

Danial merupakan seorang usahawan muda yang menjalankan perniagaan berorientasikan kelestarian dengan menghasilkan produk pembersihan isi rumah mesra alam. Perniagaan ini bertujuan mengurangkan kesan alam sekitar serta menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.

Selepas dua tahun beroperasi, beliau berdepan cabaran seperti kos pengeluaran tinggi, persaingan sengit, tahap kesedaran pengguna yang rendah dan aliran tunai tidak stabil, yang menjejaskan motivasi pekerja, komitmen organisasi dan prestasi jangka panjang.

- i) Determine **THREE (3)** benefits of sustainability to businesses.

*Tentukan **TIGA (3)** manfaat kemampanan kepada perniagaan.*

[9 marks]

[9 markah]

- ii) Analyze **TWO (2)** keys to successful sustainability entrepreneurship that Danial as young entrepreneur should focus on to ensure long-term organizational success.

*Analisis **DUA (2)** kunci kejayaan keusahawanan lestari yang perlu diberi tumpuan oleh Danial sebagai seorang usahawan muda bagi memastikan kejayaan organisasi jangka panjang.*

[6 marks]

[6 markah]

TERBUKA

SOALAN TAMAT